

No.Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (61)



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 18 TAHUN 2024**

**PEMAKAIAN PELAKSANAAN PERUBAHAN CUKAI
PERKHIDMATAN DARIPADA 6% KEPADA 8% KE ATAS
KONTRAK PEROLEHAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

Pejabat Bendahari
31 Disember 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (61)

31 Disember 2024

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 18/2024

PEMAKAIAN PELAKSANAAN PERUBAHAN CUKAI PERKHIDMATAN DARIPADA 6% KEPADA 8% KE ATAS KONTRAK PEROLEHAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan tentang Pemakaian Pelaksanaan Kadar Cukai Perkhidmatan Dari 6% Kepada 8% Ke Atas Kontrak Perolehan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Ucapan YAB Perdana Menteri melalui Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 telah mengumumkan kenaikan kadar cukai perkhidmatan dari 6% kepada 8% bagi perkhidmatan tertentu. Penguatkuasaan pelaksanaan perubahan kadar cukai perkhidmatan ini tertakluk Akta 807 dan telah diwartakan melalui Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai)(Pindaan) 2024 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024. Peruntukan ini akan turut melibatkan kontrak kerajaan di bawah perolehan Kerajaan yang masih berkuat kuasa dan juga bagi kontrak baharu.
- 2.2 Pada 28 Februari 2024, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah menyediakan Soalan Lazim Berkaitan Pelaksanaan Kadar Cukai Perkhidmatan Dari 6% Kepada 8% sebagai panduan dan memudahkan lagi pelaksanaan arahan tersebut ke atas kontrak perolehan kerajaan.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 9/2024 yang telah bersidang pada 28 November 2024 telah meluluskan Pemakaian Pelaksanaan Kadar Cukai

Perkhidmatan Dari 6% Kepada 8% Ke Atas Kontrak Perolehan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

3.0 CADANGAN PEMAKAIAN DI UTeM

- 3.1 Berdasarkan kepada Soalan Lazim Berkaitan Pelaksanaan Kadar Cukai Perkhidmatan Dari 6% Kepada 8% sebagai panduan dan memudahkan lagi pelaksanaan arahan tersebut ke atas kontrak perolehan kerajaan seperti di **Lampiran 1**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.
- 4.2 Pelaksanaan Kadar Cukai Perkhidmatan Dari 6% Kepada 8% ini diguna pakai berkuat kuasa 1 Mac 2024.

Sekian, harap maklum.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,


SABARINA BINTI ABDULLAH
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
FARA/Surat Pekeliling Kewangan/2024



KERAJAAN MALAYSIA

**Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai
Perkhidmatan Dalam Perolehan Kerajaan**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK1.13	PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN.....	1
1.	Pendahuluan.....	1
2.	Pengenaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) Dalam Perolehan Kerajaan	1
3.	Pelarasan Harga Kontrak.....	4
4.	Penyediaan Anggaran Jabatan dan Penentuan Kaedah Perolehan.....	4
5.	Tawaran Harga Syarikat.....	4
6.	Kaedah Penilaian Perolehan Secara Pembelian Terus/Sebut harga/ Tender	5
7.	Permohonan Sijil Pengecualian Cukai Jualan Bagi Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.....	6
8.	Perolehan Daripada Agensi Kerajaan Lain.....	7
9.	Kenaan CJCP Dalam Kontrak Pusat (KP) dan Kontrak Panel Berpusat (KPB)	7
10.	Syarikat Berstatus Pembuat di bawah Pendaftaran Kementerian Kewangan.....	8
11.	Kenaan CJCP Ke Atas Perolehan Dalam <i>Designated Areas</i> (DA).....	8
12.	Pengeluaran Invois	8
13.	Tarikh Kuat Kuasa.....	9

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Surat Pelarasan Harga Kontrak Berkaitan Pelaksanaan Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan (CJCP)

PK 1.13 PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Pendahuluan

- 1.1 Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) adalah berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807].
- 1.2 Sehubungan itu, perolehan Kerajaan juga adalah tertakluk kepada dasar kenaan CJCP berdasarkan Akta 806 dan Akta 807 atau mana-mana peraturan yang berkuat kuasa. Agensi Kerajaan hendaklah memastikan sebarang perolehan yang hendak dilaksanakan mematuhi dasar kenaan CJCP agar ianya teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan.

2. Pengenaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) Dalam Perolehan Kerajaan

- 2.1 Pengenaan CJCP dalam perolehan Kerajaan adalah tertakluk kepada kategori dan pelaksanaan seperti berikut:

(i) Perolehan Bekalan

- a. Cukai Jualan adalah dikenakan dan dilevikan ke atas barang yang dikilangkan oleh pengilang berdaftar di Malaysia atau barang yang diimport ke dalam Malaysia yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 serta peraturan dan perintah cukai jualan yang berkuat kuasa.
- b. Walau bagaimanapun, bagi barangan yang diimport atau yang dibeli daripada pengilang berdaftar oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah dikecualikan daripada Cukai Jualan melainkan petroleum dan kenderaan import dengan syarat berikut:
 - (1) barangan yang diimport atau dibeli daripada pengilang berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
 - (2) barang tersebut digunakan sepenuhnya hanya oleh Agensi berkaitan;

- (3) kos barang tersebut dicajkan ke atas vot Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT dan bukan dibeli daripada sumber lain; dan
 - (4) lain-lain syarat yang ditetapkan di bawah peraturan dan perintah cukai jualan yang berkuat kuasa.
- c. Pengecualian yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT bukan sahaja ke atas pengimportan atau pembelian yang dibuat sendiri, tetapi terpakai juga sekiranya Agensi Kerajaan tersebut melantik pihak ketiga untuk mengimport atau membeli daripada pengilang berdaftar cukai jualan.
 - d. Pengecualian daripada dikenakan Cukai Jualan hendaklah dibuat dengan pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
 - e. Berhubung dengan pengimportan barang, sekiranya dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT, *invois/bill of lading* (BOL)/*air waybill* (AWB) adalah atas nama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT tersebut dan pengecualian cukai jualan boleh dituntut di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
 - f. Sekiranya pengimportan tersebut dibuat oleh pihak ketiga di bawah suatu kontrak pembekalan atau sebagai ejen untuk melaksanakan pembelian yang dilantik oleh sesuatu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT (atas apa-apa jua alasan), maka pihak tersebut boleh menuntut pengecualian cukai jualan ke atas pengimportan itu di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
 - g. Pengecualian daripada dikenakan Cukai Jualan hendaklah dibuat dengan pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018. Pengecualian daripada dikenakan Cukai Jualan hendaklah dibuat atas talian melalui sistem MySST di alamat www.mysst.customs.gov.my tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

- h. Orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Akta Universiti Teknologi Mara 1976 [Akta 173] hendaklah mendapat nombor kelulusan Sijil Pengecualian (yang dijana daripada Sistem MySST).

(ii) Perolehan Perkhidmatan (termasuk Perunding)

- a. Cukai Perkhidmatan adalah dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.
- b. Agensi Kerajaan hendaklah menyemak senarai perkhidmatan yang dikenakan Cukai Perkhidmatan di MySST sebelum memulakan proses perolehan perkhidmatan. Surat Setuju Terima (SST) hendaklah menyatakan kenaaan Cukai Perkhidmatan jika perkhidmatan tersebut adalah perkhidmatan bercukai dan syarikat adalah berdaftar dengan JKDM.

(iii) Perolehan Kerja

- a. Cukai Jualan ke atas bahan-bahan pembinaan termaktub dalam harga bahan binaan dan tidak dikenakan secara berasingan.
- b. Perolehan kerja pembinaan tidak dikenakan Cukai Perkhidmatan.
- c. Bagi perolehan kerja yang bersifat perkhidmatan antaranya pengurusan fasiliti dan lain-lain yang dikategorikan sebagai kerja, Agensi hendaklah merujuk kepada Jadual Pertama di bawah Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan peraturan semasa yang berkuat kuasa bagi menentukan kenaaan Cukai Perkhidmatan.

3. Pelarasan Harga Kontrak

- 3.1 Bagi mana-mana kontrak perolehan yang sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada kenaikan CJCP, syarikat boleh memohon pelarasan harga kontrak daripada Agensi mulai tarikh syarikat berdaftar CJCP dengan JKDM bagi baki perolehan yang belum disempurnakan, jika berkaitan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pengurangan harga kontrak berikutan pelaksanaan CJCP, Agensi bertanggungjawab melaksanakan pelarasan harga kontrak tersebut sewajarnya.
- 3.2 Syarikat hendaklah mengemukakan justifikasi yang kukuh bersama pembuktian yang jelas menunjukkan kenaikan harga kontrak adalah disebabkan pelaksanaan CJCP. Perubahan harga hendaklah sama dengan jumlah perubahan cukai yang perlu dibayar oleh syarikat.
- 3.3 Semua penyelarasan harga kontrak berikutan pelaksanaan CJCP hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal. Setelah diluluskan oleh Pegawai Pengawal, harga kontrak hendaklah diselaraskan.
- 3.4 Agensi hendaklah menggunakan Surat Penyelarasan Harga Berkaitan Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) bagi menguatkuasakan penyelarasan harga kontrak berikutan pelaksanaan CJCP seperti di **Lampiran A**.

4. Penyediaan Anggaran Jabatan dan Penentuan Kaedah Perolehan

- 4.1 Agensi hendaklah mengambil kira kenaikan CJCP dalam perancangan perolehan tahunan dan penyediaan peruntukan terutamanya perolehan perkhidmatan.
- 4.2 Agensi hendaklah menggunakan anggaran jabatan tanpa kenaikan CJCP untuk menentukan kaedah perolehan.

5. Tawaran Harga Syarikat

- 5.1 Bagi perolehan perkhidmatan, semua tawaran harga oleh syarikat hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Perkhidmatan. Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai

Perkhidmatan dan syarikat yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan JKDM, maka Agensi Kerajaan perlu menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan Cukai Perkhidmatan di dalam SST.

- 5.2 Syarikat hendaklah diberitahu bahawa pada bila-bila masa setelah berdaftar dengan JKDM, syarikat hendaklah memaklumkan Agensi supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan syarikat untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan syarikat perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan.
- 5.3 Bagi pengeluaran SST, Agensi hendaklah merujuk kepada PP/PK4.2 atau pekeliling berkaitan SST yang berkuat kuasa.
- 5.4 Agensi boleh menimbang untuk mengeluarkan SST yang mempunyai kenaan Cukai Perkhidmatan jika perkhidmatan tersebut adalah perkhidmatan bercukai dan memenuhi/ tidak memenuhi nilai ambang yang ditetapkan walaupun syarikat belum berdaftar dengan JKDM pada masa tersebut. Ini bagi mengelakkan agensi terpaksa menyediakan tambahan kos sekiranya syarikat berdaftar semasa kontrak berjalan.
- 5.5 Tiada penyelarasan harga kontrak perlu dilaksanakan sekiranya Agensi telah mengeluarkan SST yang mempunyai kenaan Cukai Perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kenaan Cukai Perkhidmatan ke atas kontrak tersebut adalah mulai syarikat memenuhi syarat yang melayakkan kenaan Cukai Perkhidmatan dan berdaftar dengan JKDM. Syarikat adalah dikehendaki untuk mengemukakan salinan Sijil Pendaftaran CJCP kepada Agensi berkaitan dan kenaan CJCP adalah hanya ke atas baki kontrak.

6. Kaedah Penilaian Perolehan Secara Pembelian Terus/Sebut harga/ Tender

- 6.1 Bagi perolehan petroleum dan kenderaan import, penilaian harga bagi pembelian terus, sebut harga dan tender hendaklah dibuat oleh Agensi berdasarkan harga tawaran tanpa Cukai Jualan.
- 6.2 Bagi perolehan perkhidmatan, penilaian harga bagi pembelian terus, sebut harga dan tender hendaklah dibuat oleh Agensi berdasarkan harga tawaran tanpa Cukai Perkhidmatan.

7. Permohonan Sijil Pengecualian Cukai Jualan Bagi Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

- 7.1 Permohonan Sijil Pengecualian Cukai Jualan adalah secara atas talian di MySST. Terdapat dua kategori tatacara penjanaan sijil pengecualian Cukai Jualan di bawah Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 berdasarkan tatacara JKDM yang berkuat kuasa.
- 7.2 Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 hendaklah ditandatangani ke atas setiap perolehan yang mendapat pelepasan Cukai Jualan seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 bagi membolehkan Cukai Jualan dikecualikan ke atas perolehan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 yang dijana atas talian, pengilang atau pengimport boleh mencetak terus borang tersebut setelah diluluskan dan tandatangan tidak diperlukan selaras dengan Peraturan-peraturan Cukai Jualan 2018.
- 7.3 Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 hendaklah diluluskan/ ditandatangani oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturun kuasa berdasarkan kelulusan Ketua Jabatan.
- 7.4 Senarai pegawai yang wajar diturunkan kuasa bagi tujuan menandatangani Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 adalah seperti berikut:
- (i) Ketua Jabatan; atau
 - (ii) Pegawai pelulus Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan; atau
 - (iii) Pegawai yang diturun kuasa untuk menandatangani SST; atau
 - (iv) Pegawai lain yang diberikan kuasa oleh Pegawai Pengawal sebagai penandatangan Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

- 7.5 Bagi tujuan ini, Agensi Kerajaan hendaklah mengemukakan senarai penuh pegawai mengikut jawatan yang dicadangkan untuk menandatangani Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 bagi pertimbangan dan kelulusan Ketua Jabatan. Sebarang perubahan kepada senarai tersebut hendaklah dikemukakan semula untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Jabatan.

8. Perolehan Daripada Agensi Kerajaan Lain

- 8.1 Sebarang pembekalan barangan yang diperolehi daripada Agensi Kerajaan lain yang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018, pengecualian Cukai Jualan boleh dituntut di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang dikecualikan daripada pembayaran Cukai) 2018. Agensi yang melaksanakan perolehan perlu mengemukakan permohonan pengecualian dengan mengeluarkan Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 semasa pembelian dibuat.
- 8.2 Sebarang perkhidmatan yang diperolehi daripada Agensi Kerajaan Kerajaan lain adalah dikenakan Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada perkhidmatan tersebut disenarai di bawah perkhidmatan dikenakan cukai dan Agensi Kerajaan tersebut berdaftar dengan JKDM.

9. Kenaan CJCP Dalam Kontrak Pusat (KP) dan Kontrak Panel Berpusat (KPB)

- 9.1 Bagi Cukai Jualan, mana-mana item Kontrak Pusat (KP) dan Kontrak Panel Berpusat (KPB) yang diperolehi daripada pengilang yang berdaftar dengan JKDM adalah tertakluk dengan kenaan Cukai Jualan. Walau bagaimanapun, perolehan item tersebut diberi pelepasan kenaan Cukai Jualan melalui pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 yang dijana melalui sistem.
- 9.2 Bagi Cukai Perkhidmatan, mana-mana item KP dan KPB yang disenaraikan sebagai perkhidmatan bercukai berdasarkan Peraturan Cukai Perkhidmatan dan berdaftar dengan JKDM adalah tertakluk dengan kenaan Cukai Perkhidmatan.

10. Syarikat Berstatus Pembuat di bawah Pendaftaran Kementerian Kewangan

10.1 Perolehan daripada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan yang bertaraf pembuat dan berdaftar dengan JKDM adalah tertakluk kepada keenaan Cukai Jualan. Walau bagaimanapun, perolehan tersebut diberi pengecualian Cukai Jualan melalui pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 yang dijana melalui sistem.

11. Kenaan CJCP Ke Atas Perolehan Dalam *Designated Areas* (DA)

11.1 Perolehan yang melibatkan *Designated Area* (DA) di Langkawi, Labuan, Tioman dan Pangkor tidak dikenakan CJCP. Ini merangkumi perolehan yang dibuat dalam kawasan DA (Cth: Langkawi – Langkawi) atau di antara kawasan DA (Cth: Langkawi – Tioman) kecuali apa-apa barang atau perkhidmatan yang dikenakan cukai jualan atau cukai perkhidmatan seperti yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah cukai jualan dan perintah cukai perkhidmatan yang berkuatkuasa.

11.2 Bagi perolehan yang melibatkan penyediaan perkhidmatan bercukai, sekiranya pembekal perkhidmatan tersebut berada/terletak di dalam DA, dan perkhidmatan bercukai disediakan di dalam DA, maka penyediaan perkhidmatan tersebut adalah tidak tertakluk di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Sekiranya pembekal perkhidmatan berada/terletak di Kawasan Utama Kastam (KUK) dan membekalkan perkhidmatan bercukai ke kawasan DA, penyediaan perkhidmatan tersebut adalah tertakluk di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

12. Pengeluaran Invois

12.1 Bagi perolehan bekalan daripada pengilang berdaftar, Agensi Kerajaan hendaklah memastikan invois yang dikeluarkan dikecualikan dari keenaan Cukai Jualan bagi barang-barang yang mendapat pengecualian atau pada kadar yang berkuat kuasa bagi produk yang tidak mendapat pengecualian. Bagi pengimportan, pengecualian dituntut semasa taksiran dibuat di pintu masuk (*entry point*) dan pengikraran dibuat melalui borang berkaitan yang dikeluarkan oleh JKDM.

- 12.2 Agensi Kerajaan hendaklah memastikan invoice yang dikeluarkan adalah selaras dengan Peraturan-peraturan Cukai Jualan 2018 dan mengandungi perkataan "*Cukai Jualan dikecualikan daripada pembayaran cukai di bawah Butiran , Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.*"
- 12.3 Bagi perolehan perkhidmatan yang dikenakan cukai di bawah Peraturan Cukai Perkhidmatan dan syarikat berdaftar dengan JKDM, Agensi Kerajaan hendaklah memastikan invoice yang dikeluarkan mengandungi kenan Cukai Perkhidmatan pada kadar 6% atau kadar yang berkuat kuasa.

13. Tarikh Kuat Kuasa

- 13.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.
- 13.2 Pindaan berkuat kuasa pada **1 Disember 2023**.

LAMPIRAN

**SURAT PELARASAN HARGA KONTRAK BERKAITAN PELAKSANAAN
CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)**

Digunakan bagi kenaikan/pengurangan harga kontrak selaras dengan CJCP

Rujukan Kami :Rujukan Agensi
Tarikh :Tarikh.....

.....
Nama Syarikat
.....
Alamat Syarikat
.....

Tuan,

Tajuk Perolehan:Tajuk perolehan berdasarkan SST/kontrak.....
No. Rujukan Surat Setuju Terima/Kontrak:.....No. SST/ Kontrak.....
Tarikh Surat Setuju Terima Ditandatangani:.....Tarikh SST ditandatangani balas oleh syarikat.....
Tarikh Dokumen Kontrak Ditandatangani:.....Tarikh dokumen kontrak ditandatangani balas oleh syarikat.....
Nombor Pendaftaran Syarikat Dengan JKDM:.....Nombor pendaftaran syarikat dengan JKDM.....
Tarikh Kuat Kuasa Pendaftaran Syarikat Dengan JKDM:.....Tarikh kuat kuasa.....

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) telah menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 September 2018 berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807].

3. Berikut pelaksanaan CJCP, Kerajaan bersetuju dengan pelarasan harga seperti berikut:

- i. **Harga Kontrak Asal :**RM Harga kontrak asal dalam angka
- ii. **Baki Perolehan Yang Belum Disempurnakan:** RM Baki Perolehan dalam angka
- iii. **Kenaan Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan:** RM Harga kenaan Cukai Jualan /Cukai Perkhidmatan dalam angka
- iv. **Jumlah Harga Kontrak Terkini:**RM (i) + (ii) dalam angka

4. Walau bagaimanapun, terma-terma dan syarat-syarat yang termaktub dalam Surat Setuju Terima dan/atau kontrak adalah masih kekal dan hendaklah berkuat kuasa sepenuhnya antara kedua-dua pihak.

5. Dengan pengakuan penerimaan surat ini, syarikat tuan dengan ini bersetuju dengan pelarasan harga ini. Surat ini hendaklah dibaca dan menjadi sebahagian daripada dokumen kontrak yang telah ditandatangani dan mengikat kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
Tanda tangan Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

(Nama Penuh Pegawai)

Jawatan Pegawai

* Sila lampirkan senarai pengiraan terperinci di Lampiran

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :

1 daripada 2

Tandatangan & Cop (Syarikat) :

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT PELARASAN HARGA KONTRAK BERKAITAN
PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah Rujukan Agensi bertarih..... dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen *sebut harga/tender dan Surat ini telah dikenakan.

Tandatangan Syarikat
.....
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

Tandatangan Saksi Syarikat
.....
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

Meterai atau Cop Syarikat

**potong mana yang tidak berkenaan*

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :
Tandatangan & Cop (Syarikat) :

2 daripada 2

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600- 1/3/19 JLD 2(4)
Tarikh : 28 Februari 2024

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Dato' Indera/Datuk/Dato'/
Ts. Dr./Dr./Tuan/Puan,

**PENGUATKUASAAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN DARI 6% KEPADA 8%
BERDASARKAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN [AKTA 807] KE ATAS
KONTRAK KERAJAAN**

Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Dato' Indera/Datuk/Dato'/Ts. Dr./Dr./Tuan/Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri melalui ucapan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 telah mengumumkan kenaikan kadar Cukai Perkhidmatan dari 6% kepada 8% bagi perkhidmatan tertentu. Penguatkuasaan pelaksanaan perubahan kadar Cukai Perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada Akta 807 dan telah diwartakan melalui Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai)(Pindaan) 2024 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), berkuat kuasa mulai **1 Mac 2024**. Peruntukan ini akan turut melibatkan kontrak Kerajaan di bawah perolehan Kerajaan yang masih berkuat kuasa dan juga bagi kontrak baharu.

3. Agensi adalah dinasihatkan untuk menyemak semua kontrak semasa yang masih berkuat kuasa sama ada terlibat dengan pelarasan harga kontrak disebabkan item di bawah kontrak yang berkuat kuasa adalah termasuk di bawah kategori 'perkhidmatan bercukai'. Justeru, agensi dimohon untuk terlebih dahulu menyemak status dan kategori item perkhidmatan bercukai secara terus melalui Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai)(Pindaan) 2024.

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600- 1/3/19 JLD 2(4)
Tarikh : 28 Februari 2024

4. Bagi memberi panduan dan memudahkan lagi pelaksanaan arahan tersebut, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah menyediakan Soalan Lazim yang merangkumi tatacara pelaksanaan pelarasan harga kontrak menggunakan format sedia ada melalui PK1.13: Pelaksanaan Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan Dalam Perolehan Kerajaan. Bersama-sama ini disertakan Soalan Lazim mengenai Penguatkuasaan Pelarasan Cukai Perkhidmatan Dari 6% Kepada 8% Berdasarkan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807] seperti di **Lampiran B** untuk perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Dato' Indera/Datuk/Dato'/Ts. Dr./Dr./Tuan/Puan selanjutnya jua.

5. Pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Dato' Indera/Datuk/Dato'/Ts. Dr./Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan perkara di atas serta peraturan dan tatacara perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Dato' Indera/Datuk/Dato'/Ts. Dr./Dr./Tuan/Puan dalam melaksanakan tindakan ke atas perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' INDERA AB RAHIM BIN AB RAHMAN)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600- 1/3/19 JLD 2(4)
Tarikh : 28 Februari 2024

s.k.:

KSP

TKSP(M)

TSK(D)

TSK(O)

TSK(K)

TSK(S)

SBDSP

Ketua Pengarah Kastam
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Tingkat 5&6, Tower A, Suasana PJH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya
(u.p.: Puan Wan Saadah Binti Mohamed Muhibbuddin)

LAMPIRAN B

SOALAN LAZIM PELAKSANAAN PERUBAHAN CUKAI PERKHIDMATAN DARIPADA 6% KEPADA 8% KE ATAS KONTRAK PEROLEHAN KERAJAAN

***Agensi hendaklah merujuk peraturan di bawah PK1.13: Pelaksanaan Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan Dalam Perolehan Kerajaan dan Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai)(Pindaan) 2024 yang berkuat kuasa.**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah tarikh kuat kuasa peralihan kadar Cukai Perkhidmatan dari 6% kepada 8%?	Tarikh kuat kuasa peralihan kadar Cukai Perkhidmatan dari 6% kepada 8% adalah pada 1 Mac 2024 yang diwartakan melalui Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai)(Pindaan) 2024.
2.	Kontrak apakah yang terlibat dalam pelarasan harga kontrak disebabkan peralihan kadar Cukai Perkhidmatan?	<ul style="list-style-type: none">i. Kontrak baharu yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024; danii. Kontrak semasa yang berkuat kuasa dan tempoh kontrak melangkaui pada/selepas 1 Mac 2024.
3.	Apakah jenis perkhidmatan yang tidak terlibat dengan kadar kenaikan Cukai Perkhidmatan 8%?	<p>Perkhidmatan yang tidak terlibat dengan kadar kenaikan Cukai Perkhidmatan 8% adalah:</p> <ul style="list-style-type: none">i. perkhidmatan makanan dan minuman;ii. perkhidmatan telekomunikasi;iii. perkhidmatan ruang letak kenderaan; daniv. perkhidmatan logistik (termasuk kiriman cepat atau kurier, pengurusan penggudangan, ejen kastam). <p>Penetapan kadar ini boleh disemak melalui Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2018.</p> <p>Senarai lengkap bagi perkhidmatan bercukai boleh disemak di Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN					
4.	<p>Bagaimanakah tatacara penyediaan Surat Setuju Terima (SST) bagi kontrak baharu yang termasuk di bawah kategori 'perkhidmatan bercukai' yang berkuat kuasa pada/selepas 1 Mac 2024?</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="737 331 948 403">Senario</th> <th data-bbox="948 331 1158 403">Status SST</th> <th data-bbox="1158 331 1353 403">Tindakan Agensi</th> </tr> </thead> </table>	Senario	Status SST	Tindakan Agensi		
Senario	Status SST	Tindakan Agensi					
		<p>Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM): Sebelum 1 Mac 2024</p>	<p>SST telah dikeluarkan sebelum 1 Mac 2024 dengan penetapan kadar Cukai Perkhidmatan 6%.</p>	<p>Pelarasan harga kontrak bagi Cukai Perkhidmatan mengikut tatacara di Soalan Lazim, No. 5</p>			
		<p>Keputusan PBM: Sebelum 1 Mac 2024</p>	<p>SST belum dikeluarkan pada tarikh kuat kuasa peralihan kadar cukai perkhidmatan</p>	<p>SST dikeluarkan dengan penetapan kadar 8%</p>			
		<p>Keputusan PBM: Pada/selepas 1 Mac 2024</p>	<p>SST belum dikeluarkan pada tarikh kuat kuasa peralihan kadar cukai perkhidmatan.</p>	<p>SST dikeluarkan dengan penetapan kadar 8%</p>			
		<p>Nota:</p> <p>Agensi hendaklah juga merujuk kepada surat Garis Panduan Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan Secara Interim Ke Atas Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan (eP) ruj: K.KEW/PK/MOF/ePP1/59/63 Jld. 2(46) bertarikh 15 Februari 2019 bagi perolehan yang dilaksanakan melalui Sistem ePerolehan (eP).</p>					
5.	<p>Bagaimanakah penetapan kaedah penyelarasan kadar Cukai Perkhidmatan baharu ke atas kontrak Kerajaan perlu dilaksanakan?</p>	<p>Penetapan kaedah penyelarasan kadar Cukai Perkhidmatan baharu adalah berdasarkan tiga (3) situasi berikut:</p> <p>i. Perkhidmatan bercukai telah diberikan sepenuhnya SEBELUM tarikh kuat kuasa perubahan kadar (Kontrak tamat sebelum 1 Mac 2024) [Lampiran B-1]</p>					

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>a. Invois dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%. Grafik garis masa peralihan kadar cukai adalah seperti di Lampiran B-1/(i)(a); atau</p> <p>b. Invois dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%. Grafik garis masa peralihan kadar cukai adalah seperti di Lampiran B-1/(i)(b); atau</p> <p>c. Invois dikeluarkan selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%. Grafik garis masa peralihan kadar cukai adalah seperti di Lampiran B-1/(i)(c).</p> <p>ii. Perkhidmatan bercukai diberikan sepenuhnya PADA/SELEPAS tarikh kuat kuasa perubahan kadar (Kontrak mula berkuat kuasa pada/selepas 1 Mac 2024 – Kontrak baharu) [Lampiran B-2]</p> <p>a. Apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar [Kontrak yang diberi pengecualian AP 99(e)], bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%. Grafik garis masa peralihan kadar cukai adalah seperti di Lampiran B-2/(i)(a); atau</p> <p>b. Apa-apa bayaran dibuat oleh agensi kerajaan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>tertakluk pada kadar baharu iaitu 8%. Grafik garis masa peralihan kadar cukai adalah seperti di Lampiran B-2/(i)(b); atau</p> <p>c. Sebahagian bayaran dibuat oleh agensi sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6% dan sebahagian bayar lagi dibuat oleh agensi kerajaan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar baharu iaitu 8%. Grafik garis masa peralihan kadar cukai adalah seperti di Lampiran B-2/(i)(c).</p> <p>iii. Perkhidmatan bercukai diberikan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar MELANGKAUI tarikh kuat kuasa perubahan kadar (Kontrak yang sedang berkuatkuasa sebelum 1 Mac 2024 dan masih berkuat kuasa selepas 1 Mac 2024) [Lampiran B-3]</p> <p>a. Perkhidmatan yang diberikan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan bayaran sebelum tarikh kuat kuasa adalah tertakluk pada kadar lama 6%;</p> <p>b. Perkhidmatan yang diberikan selesai pada/melangkau tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan bayaran selepas tarikh kuat kuasa adalah tertakluk kepada perkadaran (<i>proportionate</i>) seperti berikut:</p> <p>i. Perkhidmatan sebelum 1 Mac 2024 adalah tertakluk pada kadar lama 6%; dan</p> <p>ii. Perkhidmatan pada/selepas 1 Mac 2024 adalah tertakluk pada kadar baharu 8%.</p> <p>c. Perkhidmatan yang diberikan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar:</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>i) Apa-apa bayaran yang dibuat oleh agensi sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar [Kontrak yang diberi pengecualian AP 99(e)], bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%; atau</p> <p>ii) Apa-apa bayaran yang dibuat oleh agensi pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar baharu iaitu 8%.</p>
6.	Apakah dokumen yang perlu disediakan bagi tujuan pelarasan harga Cukai Perkhidmatan baharu ke atas kontrak Kerajaan yang masih berkuat kuasa?	Agensi hendaklah menggunakan format Surat Penyelarasan Harga Berkaitan Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) sepertimana di bawah PK1.13: Pelaksanaan Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan Dalam Perolehan Kerajaan.
7.	Siapakah yang boleh meluluskan pelarasan harga kontrak berikutan perubahan Cukai Perkhidmatan daripada 6% kepada 8%?	Semua pelarasan harga kontrak berikutan pelaksanaan CJCP hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal. Setelah diluluskan oleh Pegawai Pengawal, harga kontrak hendaklah diselaraskan.
8.	Adakah pelaksanaan pelarasan harga kontrak disebabkan peralihan kadar Cukai Perkhidmatan daripada 6% kepada 8% memerlukan penyediaan Dokumen Perjanjian Tambahan (<i>Supplementary Agreement - SA</i>)?	Tidak. Agensi hendaklah menggunakan Surat Penyelarasan Harga Berkaitan Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) di bawah PK1.13: Pelaksanaan Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan Dalam Perolehan Kerajaan bagi menguatkuasakan penyelarasan harga kontrak berikutan pelaksanaan Cukai Perkhidmatan baharu dan surat ini hendaklah dibaca bersama serta menjadi sebahagian daripada kontrak yang telah ditandatangani.
9.	Bagaimanakah ketetapan kadar Cukai Perkhidmatan bagi kontrak Kerajaan melibatkan item perkhidmatan bercukai pada kadar 6% dan juga 8% pada satu kontrak yang sama?	<p>Sekiranya perkhidmatan bercukai disediakan secara berpakej, kadar cukai perkhidmatan ditetapkan berdasarkan kumpulan perkhidmatan bercukai seperti contoh berikut:</p> <p>i. Pakej seminar/bengkel/mesyuarat yang merangkumi penginapan, dewan/bilik mesyuarat, makan dan minum adalah 8%; dan</p> <p>ii. Pakej telekomunikasi dan penyiaran adalah 6%.</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Penerangan penetapan kadar cukai bagi perkhidmatan yang disediakan secara berpakej boleh dirujuk kepada Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 3/2024 yang dikeluarkan oleh pihak JKDM.</p>
10.	<p>Hotel A menyediakan Pakej Seminar yang merangkumi penginapan, dewan/bilik mesyuarat, makan dan minum. Bagaimanakah kiraan kadar Cukai Perkhidmatan yang akan dikenakan jika situasi di Hotel A ini berlaku?</p>	<p>Pakej Seminar yang merangkumi penginapan, dewan/bilik mesyuarat, makan dan minum adalah tertakluk pada kadar 8%.</p> <p>Penerangan penetapan kadar cukai bagi perkhidmatan yang disediakan secara berpakej boleh dirujuk kepada Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 3/2024 yang dikeluarkan oleh pihak JKDM.</p>
11.	<p>Adakah pelaksanaan Kontrak Pusat Perkhidmatan Pos terlibat dalam pelarasan kadar cukai 8%?</p>	<p>Perkhidmatan kiriman cepat adalah tertakluk pada kadar 6%.</p>
12.	<p>Bagaimanakah Kementerian/ Agensi/ Syarikat boleh mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan perubahan kadar Cukai Perkhidmatan?</p>	<p>Panduan Peralihan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan telah dimuat naik ke dalam portal rasmi MySST di pautan https://mysst.customs.gov.my/</p>
13.	<p>Pihak untuk dihubungi berkaitan penetapan Cukai Perkhidmatan.</p>	<p>Jabatan Kastam Diraja Malaysia Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan</p> <p>Rujukan Perundangan: i. Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai)(Pindaan) 2024</p> <p>Rujukan Panduan: i. Panduan Peralihan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan</p> <p>Rujukan Lain: i. Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 3/2024</p> <p>Tel: 03-8882 2100 / 2300 /2500 Emel: ccc@customs.gov.my</p>

GRAFIK GARIS MASA PERALIHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN DARI 6% KEPADA 8%


- i. **Perkhidmatan bercukai telah diberikan sepenuhnya SEBELUM tarikh kuat kuasa perubahan kadar (Kontrak tamat sebelum 1 Mac 2024)**
 - (a) Invois dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%.



(b) Invois dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%.




- (c) Invois dikeluarkan selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%.



GRAFIK GARIS MASA PERALIHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN DARI 6% KEPADA 8%


i. Perkhidmatan bercukai diberikan sepenuhnya PADA/SELEPAS tarikh kuat kuasa perubahan kadar (Kontrak mula berkuat kuasa pada/selepas 1 Mac 2024 – Kontrak baharu)

(a) Apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar [Kontrak yang diberi pengecualian AP 99(e)], bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%.




***OB = Orang Bercukai**

(b) Apa-apa bayaran dibuat oleh agensi kerajaan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar baharu iaitu 8%.




- (c) Sebahagian bayaran dibuat oleh agensi sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6% dan sebahagian bayar lagi dibuat oleh agensi kerajaan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar baharu iaitu 8%.



OB telah **menerima sebahagian pembayaran sebelum** tarikh kuat kuasa

GRAFIK GARIS MASA PERALIHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN DARI 6% KEPADA 8%

- i. **Perkhidmatan bercukai diberikan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar MELANGKAUI tarikh kuat kuasa perubahan kadar (Kontrak yang sedang berkuatkuasa sebelum 1 Mac 2024 dan masih berkuat kuasa selepas 1 Mac 2024)**
 - (a) Perkhidmatan yang diberikan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan bayaran sebelum tarikh kuat kuasa adalah tertakluk pada kadar lama 6%;
 - (b) Perkhidmatan yang diberikan selesai pada/melangkau tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan bayaran selepas tarikh kuat kuasa adalah tertakluk kepada perkadaran (*proportionate*) seperti berikut:
 - i. Perkhidmatan sebelum 1 Mac 2024 adalah tertakluk pada kadar lama 6%; dan
 - ii. Perkhidmatan pada/selepas 1 Mac 2024 adalah tertakluk pada kadar baharu 8%.
 - (c) Perkhidmatan yang diberikan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar:
 - i) Apa-apa bayaran yang dibuat oleh agensi sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar [Kontrak yang diberi pengecualian AP 99(e)], bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%; atau
 - ii) Apa-apa bayaran yang dibuat oleh agensi pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar baharu iaitu 8%.



SENARAI EDARAN

- 1. YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang**
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

- 2. YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

- 3. YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA

- 4. YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 5, Blok A, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR

- 5. YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Tingkat 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

- 6. YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Blok E4/5, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA

- 7. YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 10, Blok F9, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA
- 8. YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
- 9. YBhg. Dato' Sri Amran bin Mohamed Zin**
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 PUTRAJAYA
- 10. YBhg. Datuk Dr. Hajah Maziah binti Che Yusoff**
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No.55, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
- 11. YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA
- 12. YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron**
Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara PRISMA
Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

- 13. YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Aras 18, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
- 14. YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
- 15. YBhg. Datuk Haji Rodzi bin Md Saad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Digital
Aras 6, Setia Perdana 2 Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
- 16. YBhg. Dato' Hairil Yahri Bin Yaacob**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR
- 17. YBhg. Dato' Jana Santhiran a/I Muniayan**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Aras 9, No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
- 18. YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bin Bakar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Aras 11 (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA

- 19. YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62204 PUTRAJAYA
- 20. YBrs. Ts. Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu**
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA
- 21. YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
- 22. YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa**
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
- 23. YBhg. Dato' Mad Zaidi bin Mohd Karli**
Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
Aras 15, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA
- 24. YBhg. Dato' Roslan bin Tan Sri Abdul Rahman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

- 25. YBhg. Dr. Ching Thoo A/L Kim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Blok F11, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
62000 PUTRAJAYA
- 26. Ketua Setiausaha**
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
(u.p: YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob
Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan)
- 27. Ketua Setiausaha**
Kementerian Perladangan dan Komoditi
Aras 10, No. 15
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
(u.p: YBrs. Tuan Abdul Hadi Bin Omar
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik & Pengurusan))